

B527:

MAHATHIR-BANDAR

1982

KUALA LUMPUR, 1 FEB. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENAMAKAN BANDAR BARU CHERAS (KAMPUNG KONGGO) SEBAGAI "BANDAR TUN RAZAK" HARI INI MAHUKAN PENDUDUK BANDAR SANGGUP TINGGAL DI RUMAH-RUMAH PANGSA UNTUK MENJIMATKAN PERBELANJAAN.

KATA BELIAU OLEH KERANA FAKTOR-FAKTOR KOS DAN LUAS KAWASAN TANAH YANG TERHAD, PENDUDUK BANDAR HENDAKLAH SANGGUP TINGGAL DALAM KEADAAN YANG LEBIH SESAK.

KEHIDUPAN DI BANDAR MEMPUYAI HAD-HAD DAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAANNYA DAN TIDAK MUNGKIN SAMA DENGAN KEHIDUPAN DI LUAR BANDAR, KATANYA.

DI UPACARA PENAMAAN BANDAR BARU CHERAS ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA JABATAN RUKUNTETANGGA DAN PERPADUAN NEGARA AKAN DIARAH UNTUK MELAKSANAKAN "KONSEP KEJIRANAN" UNTUK MENJAMIN SETIAP PENDUDUK KAWASAN PERUMAHAN MENGENAL JIRAN-JIRANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHUKAN PENYAKIT "TIDAK AMBIL KISAH TENTANG ORANG LAIN" YANG SEMAKIN KETARA DI KALANGAN PENDUDUK BANDAR SEGERA DIATASI. -- BERSAMBUNG 1320/LK

B545:

MAHATHIR-BANDAR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MAHUKAN PENDUDUK BANDAR BEKERJASAMA MENJAGA KEBERSIHAN SEHINGGA E TEPI JALAN DI HADAPAN KEDIAMAN MASING-MASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR INGIN MELIHAT PARA PENGHUNI RUMAH PANGSA MENGHIAS TINGKAP-TINGKAP KEDIAMAN MEREKA DENGAN POKOK-POKOK BUNGA DAN TIDAK DENGAN +BENDERA-BENDERA DARI KAIN BAJU YANG DICUCI.+

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MENGESYORKAN SUPAYA PARA AKITEK MENYEDIAKAN REKA-BENTUK RUMAH PANGSA YANG MEMPUNYAI KAWASAN SESUAI BAGI MENJEMUR KAIN-BAJU GUNA MENJAMIN KEBERSIHAN DAN KECANTIKAN BANGUNAN SERTA SEKITARNYA.

BELIAU JUGA MAHUKAN PIHAK BERKUASA BANDARAN MENYEDIAKAN SEJAK AWAL-AWAL LAGI TEMPAT BERNIAGA YANG SELESA, LENGKAP DENGAN BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK UNTUK PARA PENJAJA.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU MELIHAT PIHAK-PIHAK BERKUASA BANDARAN MENANTI SEHINGGA PERKARA PENJAJA MENJADI MASALAH BARU HENDAK MENYEDIAKAN TEMPAT-TEMPAT ITU. -- BERSAMBUNG 1435/1B

MAHATHIR-BANDAR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERNIAGAAN KECIL OLEH PENJAJA HENDAKLAH DIGALAKKAN BUKAN SAHAJA UNTUK MEMENUHI KEHENDAK MASYARAKAT TEMPATAN TETAPI JUGA SEBAGAI DAYA PENARIK KEPADA PARA PELANCONG.

BELIAU BERHARAP PIHAK BERKUASA BANDARAN DAN TUANPUNYA BANGUNAN HENDAKLAH MENGELAKKAN DARI MENGENAKAN SEWA YANG TINGGI BAGI TEMPAT-TEMPAT PERNIAGAAN, KHUSUSNYA BAGI PENIAGA KECIL DAN PENAJAJA.

KEPADA PARA PENJAJA KECIL PULA, PERDANA MENTERI MAHUKAN MEREKA MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN TERUTAMA MENGENAI KEBERSIHAN SERTA MENGIKIS ANGAPAN KONONNYA KEUNTUNGAN HANYA TERJAMIN JIKA MEREKA TIDAK DIKENAKAN SEWA.

TENTANG PEMBANGUNAN BANDAR TUN RAZAK, PERDANA MENTERI BERKATA IA ADALAH HASIL PENYUSUNAN PEMBANGUNAN IBUKOTA SUPAYA TIDAK TERTUMPU DI PUSAT BANDAR TETAPI DIAGIH-AGIHKAN ANTARA BEBERAPA BANDAR SATELIT.

DI DALAM RANCANGAN PEMBESARAN IBUKOT SECARA TERATUR, BEBERAPA BUAH LAGI BANDAR SATELIT TERMASUK DI LADANG HAWTHORNDEN DAN DI BUKIT JALIL AKAN DIBANGUNKAN, KATANYA. -- BERNAMA 1440/1B